

NAMA : _____
 KELAS : _____



**SEK.MEN.KEB. GULAU
08210 SIK, KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020
EKONOMI
Kertas 2
OKTOBER
2 ¼ jam**

**TINGKATAN 5
3767/2**

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan kelas anda pada ruangan yang disediakan
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan Bahagian B
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini
5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA			
Bah.	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 19 halaman bercetak

BAHAGIAN A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

1. (a) Jadual 1 di bawah menunjukkan modal dan kos bagi firma ABC untuk mengeluarkan **dua** jenis produk.

Modal	Produk	
	Novel	Majalah
RM 700 000	RM 500 000	RM 600 000

Jadual 1

Bagaimanakah Firma ABC menyelesaikan masalah ekonomi tersebut [5 markah]

b) Bagaimanakah sistem ekonomi pasaran bebas menyelesaikan masalah asas ekonomi.
Jelaskan. [5 Markah]

c) Jadual 2 di bawah menunjukkan penawaran bagi sesuatu barang

Harga (RM)	Kuantiti di tawarkan (unit)
2	10
3	15
4	20

Jadual 2

Lakarkan keluk penawaran dan jelaskan hukum penawaran bagi barang tersebut.

[5 Markah]

d) Jadual 3 di bawah menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti bagi dua jenis barang

Jenis barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti
G	8	6
H	12	15

Jadual 3

Hitung nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi ke dua jenis barang G dan H,

kemudian tafsirkan nilai pekali keanjalan tersebut.

[5 Markah]

- 2 a) Maklumat di bawah berkaitan faktor pemilihan pekerjaan oleh Aminah

 <p>JAWATAN KOSONG KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI PELBAGAI JAWATAN DITAWARKAN GAJI + ELAUN KERAJAAN SELURUH MALAYSIA</p> <p>GKERJAYA.COM</p> <p>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (FAMA)</p>	 <p>JAWATAN KOSONG MARINA PUTRAJAYA</p> <p>- PELBAGAI JAWATAN DITAWARKAN GAJI DITAWARKAN : RM1,300 - RM2,500</p>  <p>GKERJAYA.COM</p> <p>MARINA PUTRA JAYA SDN. BHD</p>
<p><i>Aminah tinggal di Pasir Puteh, Kelantan dan mendapat kelulusan yang baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau telah memohon jawatan kosong di atas dan telah diterima oleh kedua-dua syarikat di atas.</i></p>	

Pada pendapat anda, kerjaya manakah menjadi pilihan Aminah dan mengapa?

[4 markah]

- b. Rajah di bawah menunjukkan komponen dalam pendapatan individu.

Pendapatan Boleh Guna = Tabungan + X

- (i) Apakah X [1 markah]

- (ii) Bagaimanakah cara individu menggunakan X untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya? [4 markah]

- c. Jadual di bawah merupakan kos-kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.

Keluaran/Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	90	-	-
1	150	150	60
2	190	95	Y
3	210	70	20
4	240	X	30
5	310	62	70
6	420	70	110

- (i) Berapakah nilai X dan Y [2 markah]

- (ii) Berdasarkan jadual di atas, jelaskan hubungan antara keluaran / output dengan kos purata dan kos marginal.

- (a) Output 0 hingga 3 unit

[2 markah]

- (b) Output 4 hingga 6 unit

[2 markah]

- d. Gambar di bawah menunjukkan suatu fenomena yang berlaku dalam negara.



Kadar penggunaan kenderaan bermotor di jalan raya di Malaysia pada masa kini telah menunjukkan berlakunya peningkatan yang amat besar dan ketara.

- (i) Apakah maksud kos sosial dalam konteks ekonomi yang dipelajari?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kos sosial yang akan ditanggung akibat daripada fenomena di atas.

[3 markah]

3 (a) Terangkan jenis-jenis pengangguran . [4 markah]

i-

ii-

(b) Belanjawan lebihan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ketidakstabilan ekonomi? Huraikan. [6 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan data perdagangan Malaysia dengan China bagi tahun 2014 dan tahun 2015.

Butiran	2014 (RM billion)	2015 (RM billion)
Jumlah dagangan	207.8	X
Eksport barang nampak	92.29	101.53
Import barang nampak	Y	129.36

i) Nilai X dan Y [2 markah]

ii) Nyatakan keadaan Imbangan dagangan pada tahun 2014 dan tahun 2015

[2 markah]

iii) Peratus perubahan import nampak Malaysia pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014. [1 markah]

d) Jelaskan ciri-ciri syarikat multinasional

[5 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab 2 soalan sahaja

4. Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu dasar kerajaan.

Pelaksanaan cukai ke atas minuman bergula dapat kurangkan kos perubatan pada masa depan – MATA

KUALA LUMPUR – Perlaksanaan cukai eksais 40 sen seliter ke atas minuman bergula bermula hari ini. Cukai ini dikenakan ke atas minuman atau jus yang melebihi 12g gula bagi setiap 100ml, namun demikian ia tidak melibatkan minuman yang dibancuh di restoren. Ini dapat membantu kerajaan mengurangkan kos perubatan berikutan pengambilan gula berlebihan dalam kalangan rakyat, kata Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Datuk Abdul Aziz Abu Bakar.

Sumber : *Ubahsuai daripada www.utusan.com.my bertarikh 01 Julai 2019.*

- a) Terangkan cukai tak langsung lain selain daripada di atas? [4 markah]
- b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan pelaksanaan cukai tersebut ke atas pasaran minuman bergula. [7 markah]
- c) Pelaksanaan dasar tersebut dijangka kurang memberi impak kepada pengguna tegar. Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas.
Kemukakan alasan anda. [9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran minyak kelapa sawit di Malaysia.



Tindakan Boikot Minyak Sawit Malaysia Beri Kesan Kepada Pekerja

KUALA LUMPUR: Tindakan pihak berkuasa India ‘memboikot’ pembelian minyak sawit Malaysia dikhawatir boleh menjurus ke arah perang perdagangan tidak rasmi dan sekatan ekonomi yang akhirnya memberi kesan kepada ratusan ribu pekerja tempatan dalam industri berkenaan.

Sumber : Berita Nasional 10 Januari 2020

- a) Terangkan dua jenis input yang terlibat dalam pengeluaran minyak kelapa sawit.
[4 markah]
- b) Dengan menggunakan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran minyak kelapa sawit Malaysia.
[7 markah]
- c) Dalam usaha menangani kempen anti-minyak sawit di atas, sebanyak RM 27 juta diperuntukkan bagi menyokong Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meluaskan pasaran minyak sawit ke peringkat antarabangsa. Tindakan kerajaan ini telah memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia.
Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Kemukakan alasan anda.
[9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh insitusi perbankan.

Kadar Faedah Pinjaman Dijangka Turun Sekali Lagi.

KUALA LUMPUR: Kadar dasar semalam (OPR) dijangka turun lagi sebanyak 25 mata asas sebelum akhir tahun ini, selepas semakan semula dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) akan datang, kata beberapa ahli ekonomi.

Sumber : Berita Harian Online. September 9, 2020

- a) Apakah fungsi bank perdagangan yang berkaitan dengan pernyataan diata [4 markah]
- b) Bagaimanakah tindakan tersebut dapat meringankan beban peminjam. [7 markah]
- c) Institusi perbankan sangat penting kepada negara. Jelaskan [9 markah]

7.

41 BELIA MUFLIS SETIAP HARI

- Seramai 41 orang belia Malaysia berumur lingkungan 21 – 40 dianggarkan menjadi muflis setiap hari akibat kurangnya pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan
- Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mendapati antara punca utama kepada masalah itu adalah kerana urusan sewa beli seperti kereta, rumah dan penggunaan kad kredit
- Justeru apabila lebih 30 peratus daripada gaji bulanan digunakan untuk membayar hutang, seseorang itu sudah dikira mempunyai masalah kewangan.

Sumber : Berita Harian Online. Disember 16, 2018

- a) Berdasarkan situasi di atas, jelaskan kepentingan belanjawan peribadi [4 markah]
- b) Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh golongan belia tersebut agar dapat menambahkan punca pendapatan mereka selain bergantung kepada upah daripada pihak majikan. [7 markah]
- c) Bagi mengatasi fenomena di atas, pihak kerajaan juga perlu memainkan peranan. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut.
Jelaskan. [9 markah]

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B

